



KERATAN AKHBAR
----------------

AKHBAR	:	HARIAN METRO		
TARIKH	:	5/11/2019	MUKA SURAT	: 15
JABATAN	:	UMUM		
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>		

## Kadar air percuma tidak akan dinaik

**Shah Alam:** Kadar air percuma menerusi Skim Darul Ehsan tidak akan dinaikkan daripada 20 meter kepada 30 meter padu sebulan.

Menteri Besar Selangor Amirudin Shari berkata, ini kerana kadar 20 meter padu sudah mencukupi untuk menampung keperluan domestik satu keluarga seramai lima orang.

"Mengikut statistik Suruhanjaya Air Negara (SPAN), penggunaan air individu di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya adalah sebanyak 222 liter sehari iaitu 30 peratus lebih tinggi daripada kadar air 164 liter sehari disyorkan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

"Justeru, peningkatan pemberian air percuma ke-

pada 30 meter padu boleh menyumbang kepada penggunaan air tidak berhemah sedangkan sumber bekalan air semakin berkurangan," katanya.

Beliau menjawab saranan Harumaini Omar (BERSATU- Batang Kali) meminta kerajaan negeri meningkatkan kadar air percuma kepada 30 meter padu sebulan pada sesi soal jawab pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor di sini, semalam.

Berhubung pertanyaan Mohd Imran Tamrin (BN-Sungai Panjang) sama ada Skim Air Darul Ehsan akan diperluaskan kepada golongan M40, Amirudin berkata, kajian mendapati golongan itu berkemampuan untuk membayar bil air.